

31 MAY 2000

MAHATHIR-PERODUA/I

DR MAHATHIR LANCAR MODEL TERBARU PERODUA 14 JUN INI

PETALING JAYA, 31 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan kereta terbaru Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) - Kenari, dari kumpulan mini wagon pelbagai guna, pada 14 Jun ini.

Pengarah Urusan Perodua Datuk Abdul Rahman Omar berkata syarikat itu menjangka dapat menjual antara 1,600 dan 2,000 unit kereta Kenari setiap bulan.

Kenari 1000 cc ini dilengkapi dengan enjin elektronik DOHC 12 injap bagi memberikan kuasa pemanduan dan kecekapan. Ia akan dijual pada harga di antara RM37,000 dan RM42,000 sebuah.

Kereta ini boleh didapati dalam warna metalik -- emas, ungu dan biru -- dan dalam warna-warna Perodua yang ada sekarang, kata Abdul Rahman kepada pemberita pada pelancaran e-lelong Perodua di sini hari ini.

Kenari yang disasarkan kepada keluarga muda ini, boleh didapati dalam tiga jenis, standard satu liter (EX) dan deluxe satu liter (GX) kedua-duanya dengan transmisi manual lima kelajuan; dan automatik satu liter (EZ) dengan transmisi automatik empat kelajuan.

Abdul Rahman berkata syarikat itu kini telah mencapai keupayaan pengeluaran maksimum berjumlah 120,000 kenderaan setahun di kilangnya di Serendah.

Dengan demikian, katanya pengeluaran kereta Kenari dan sebarang peningkatan pengeluaran kereta tersebut di masa akan datang terpaksa dibuat dengan mengorbankan pengeluaran kereta-kereta lain.

"Jika permintaan bagi Kenari sangat baik, kami perlu mengurangkan pengeluaran model-model lain," katanya, sambil menambah bahawa model yang berkemungkinan besar dikurangkan pengeluarannya ialah van Perodua Rusa.

Beliau juga berkata peningkatan pengeluaran bagi semua kenderaan Perodua akan hanya dibuat pada pertengahan tahun depan apabila program peluasan kilang syarikat itu selesai.

Menyentuh tentang e-lelong, Abdul Rahman berkata bagi mewajarkan pelancaran Kenari, Perodua telah mengambil keputusan untuk melelong sebuah kereta Kenari yang dipasang khas, dan pendapatan daripada lelong itu akan didermakan kepada pertubuhan-pertubuhan amal melalui BAKTI (Persatuan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri).

Kereta yang diberikan nombor pendaftaran istimewa WHP 9 ini dijangka dapat dijual pada harga kira-kira RM100,000.

Mereka yang berminat untuk membuat tawaran belian bagi kereta Kenari yang akan dilelong ini, bolehlah melayari laman web Perodua di alamat www.perodua.com.my/kenari.

Penawar belian yang berjaya akan dihadiahkan Kenari yang berwarna putih mutiara ini pada hari pelancaran tersebut.

Abdul Rahman berkata tiga lagi kenderaan Kenari telah dibeli dengan harga RM320,000 oleh syarikat sekutu Perodua, dan pendapatannya akan didermakan kepada badan amal.

Selain itu, syarikat-syarikat sekutu yang membeli ketiga-tiga kereta itu akan juga mendermakannya kepada BAKTI.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata syarikat ini, yang telahpun melancarkan cara membeli belah elektronik (e-Shoppe) kini sedang mencuba untuk mengadakan penghubungan dengan Jabatan Kastam dan Eksais serta Jabatan Pengangkutan Jalan dalam usaha melaksanakan sistem pendaftaran kereta tanpa kertas bagi kenderaan-kenderaan Perodua.

Katanya syarikat itu juga sedang mengadakan penghubungan dengan sebuah bank untuk memberikan pembiayaan kereta secara elektronik dan apabila sistem ini dilaksanakan sepenuhnya, Perodua dijangka akan menjual 500 kenderaannya dengan menggunakan kaedah ini. -- BERNAMA

MOT KY JR